

Pagar keselamatan dibina di Sungai Golok

JELI - Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk membina pagar keselamatan di sepanjang Sungai Golok di Kelantan sebagai satu daripada kaedah membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, pagar sepanjang 126 kilometer itu perlu dibina segera walaupun ketika ini kos dan tarikh pembinaannya masih dalam perbincangan.

Beliau berkata, perbincangan telah dibuat antara kementeriannya, Unit Pencegah Penyeludupan serta

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi tujuan itu dengan spesifikasi pembinaannya akan ditentukan JPS.

"Apa pun ia tertakluk kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kewangan untuk menentukan bila pelaksanaannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga di sini semalam.

Ahmad Zahid memberitahu, se-

takat ini, kos pembinaan pagar itu belum ditentukan lagi.

Beliau menambah, terdapat beberapa syarikat swasta telah memberi cadangan untuk membantu membina pagar berkenaan yang akan dilengkapi sistem radar bagi menangani masalah pembolosan terutama kawasan yang dikenali sebagai laluan tikus.

AHMAD ZAHID (empat dari kiri) melalui Jambatan Persahabatan yang menghubungkan Malaysia dan Thailand ketika melakukan lawatan ke ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah, Kelantan semalam.

